

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** Welcome Centre  
**Sent:** 08 Ogos 2016 16:56  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Staff  
**Subject:** BUNGA-BUNGA CINTA TERSEMAI DI SINTOK



08 OGOS 2016 / 05 ZULKAEDAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**BUNGA-BUNGA CINTA TERSEMAI DI SINTOK**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Kepelbagaian *ambien* dan tarikan untuk mencari kedamaian di hati melalui *Discover UUM* telah mencuri hati pasangan Alumni UUM untuk menjenguk kampus yang ditinggalkan mereka pada tahun 2002.

Tanpa ragu, *Welcome Centre* yang dihiasi warna dan tekstur hasil paduan reka bentuk sireh junjung serta dibanjiri *landscape* pohon sedia ada ditambah dengan penyusunan tumbuhan renek secara bersahaja, menyempurnakan keseluruhan pemandangan sesiapa sahaja yang lalu-lalang sebelum masuk ke kampus.

Begitulah juga dengan pasangan Mejar Hasma Nizam Mohammad Hassan dan Kapten Nur Eliana Mohd. Marsidi yang kini berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur mengunjungi *Welcome Centre* dengan perasaan gembira melihat kemajuan UUM yang pesat.

Kata Mejar Hasma Nizam, "Lawatan bersama keluarga ke UUM, kami sangat teruja!"

“Tahun 2002 kami tinggalkan UUM dengan segulung ijazah, hari ini bawa anak bersama melawat UUM sambil bercuti”, ujar Kapten Eliana.

Malah, hadirnya sebuah kawasan Rehat & Rawat (R&R) UUM dengan sentuhan yang berbeza ini sebagai pelengkap buat tetamu istimewa yang masing-masing melahirkan rasa bangga dan kagum dengan pencapaian UUM yang disanjung tinggi.

Justeru, tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat belajar yang mencanai kenangan pahit manis mereka di kampus Sintok.

=====

DARIPADA:  
ANJUNG TAMU  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CANSELORI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)  
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098  
FAKS: 04-928 3095  
E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)

